

Pengusaha kegiatan haram akan terus diburu

UM 10 JUN 2003

KUALA LUMPUR 9 Jun – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan terus memburu pengusaha kegiatan cakera padat video (VCD) dan cakera padat (CD) haram termaauk yang beroperasi secara kecil-kecilan menggunakan mesin pencetak melalui komputer.

Penyelaras operasi VCD/CD kementerian terbabit, Firdus Zakaria berkata, ia merupakan tindakan terbaru kementerian itu dalam usaha membanteras kegiatan VCD haram habis-habisan selepas kejayaan melumpuhkan kegiatan tersebut menerusi operasi besar-besaran sebelum ini.

“Ini merupakan cabaran besar kita pada masa akan datang kerana kegiatan ini dijalankan secara sembunyi di premis tertentu atau rumah,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru operasi besar-besaran membanteras kegiatan mengedar dan menjual VCD haram yang dijalankan secara bersepadu berakhir semalam.

Menurut beliau, pihaknya bimbang, sekiranya kegiatan tersembunyi dan kecil-kecilan gagal dibendung, pengedaran dan penjualan VCD haram akan kembali aktif.

“Kita akan berusaha ber-sungguh-sungguh supaya kegiatan VCD haram ini dapat dihapuskan hingga ke tahap sifar tetapi saya tidak dapat memberi jaminan ia akan dapat dihapuskan hingga ke tahap itu,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, semua 250 anggota pasukan petugas khas membanteras VCD cetak rompak akan terus memantau perkembangan bagi memastikan kegiatan penjualan dan pengedaran tidak kembali semula.

Malah, katanya, sepanjang operasi sebelum ini, pasukannya telah bekerja pada tahap maksimum iaitu hampir 24 jam sehari.

“Secara keseluruhannya, anggota saya bertugas secara minimum 12 jam sehari hingga hampir 24 jam,” katanya.

Ancaman

Beliau turut mengakui, penglibatan pasukan polis turut melicinkan operasi kementerian itu kerana sepanjang operasi tersebut pihaknya tidak pernah menerima ancaman atau ugutan serta gangguan daripada tonto.

Menurut Firdus, kegiatan penjualan dan pengedaran VCD cetak rompak kini tinggal 20 peratus yang melibatkan penjualan secara sembunyi dan kecil-kecilan.

“Kita tidak pernah berpuas hati dengan pencapaian ini dan akan terus memperhebatkan operasi pencegahan kerana pengusaha yang terlibat tidak akan berdiam diri.

Operasi besar-besaran membanteras penjualan dan pengedaran VCD dijalankan secara bersepadu membabitkan pelbagai agensi penguat kuasa selepas mendapat teguran daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bimbang kegiatan tersebut semakin berleluasa.